

*Apa yang sa-harus-nya di-ketahui
mengenai*

KEMENTERIAN
BUROH DAN UNDANG²

MINGGU KESETIAAN NEGARA

3 hingga 9 Desember, 1959

PENERBITAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
SINGAPURA

KEMENTERIAN BUROH DAN UNDANG²

Kementerian "Tempat Ra'ayat Mengadu Hal"¹

I

PEJABAT BANTUAN PEGUAM

PEJABAT BANTUAN PEGUAM ia-lah barangkali pejabat bantuan peguam perchuma yang tunggal yang di-belanjakan oleh Kerajaan, di-seluroh Asia. Ia boleh di-sifatkan sebagai satu langkah yang bijak dan berkesan untuk memajukan ka'adilan masharifikat, kerana ia menentukan bahawa kekurangan wang sahaja tidak harus menghalang warganegara daripada di-kuat-kuasakan hak²-nya dari segi undang², dan juga mendapat sabaik² nasihat yang bolch dalam banyak masalah² yang bersangkut paut dengan undang² yang mungkin menyusahkan dia.

Ada-lah di-dapati bahawa manakala ka'adilan pada lunasnya sama boleh di-perolehi sa-saorang, tetapi terkadang² orang² tidak sama mengetahui berkenaan hak² dan kewajipan² mereka dari segi undang². Banyak orang tidak suka pergi ka-mahkamah atau berbuat sa-suatu yang mengenai undang². Ada pula mereka, yang tiada wang, berpendapat bahawa mustahil mereka boleh mendapat hak² mutlak mereka, kerana itu berma'ana membelanjakan sidikit wang dahulu. Oleh kerana hendak mengatasi semua perkara² ini maka Kerajaan telah memajukan rancharangan nasihat peguam dan bantuan peguam untuk memberi faedah kepada semua orang yang tiada mampu pergi berjumpa peguam² kerana nasihat dan bantuan saperti itu. Atorat itu mensharatkan supaya sa-saorang itu pertama-nya di-nasihatkan berkenaan kedudokkan-nya dari segi undang² dalam sabarang perkara, termasok-lah kemungkinan²-nya berjaya dalam sabarang tuntutan, atau pun menolak tuntutan saperti itu dari lain² orang, dan kemudian jikalau itu tidak memadai dan dia terpaksa pergi ka-Mahkamah, maka bantuan peguam akan di-beri di-bawah satu sijil yang di-keluarkan oleh Pengarah

Bantuan Peguam kerana-nya untuk mengambil semua tindakan undang², sahingga kapada meminta ulang-bichara kapada Mahkamah Tinggi dalam perkara² wang. Dalam perkara² jenayah, pada masa ini nasihat dan bantuan itu ada-lah terhad kepada menguatkuasakan perentah² pembayaran nafkah di-dalam Mahkamah² rendah dan kapada pemberian bantuan untuk mengambil peguam dalam semua perkara² jenayah yang boleh di-hukum bunuh, di-dalam Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Ulang-bichara Jenayah.

KELAYAKKAN DI-TENTUKAN DENGAN PENDAPATAN

Perkara yang penting sekali yang mengenai bakal "pelangan" Pejabat Bantuan Peguam, tentu-lah, ujian dari segi wang, yang dengan-nya Pejabat itu menentukan kelayakkannya mendapat bantuan peguam perchuma. Semua orang, tidak kira bangsa, warna kulit atau ugama, bolch memohon bantuan peguam perchuma apabila pendapatan sa-orang pemohon yang bolch di-belanjakan ia-lah tidak lebih daripada \$1.500 pada sa-tahun, tetapi Pengarah itu di-beri kuasa membenarkan bantuan peguam perchuma di-dalam perkara² yang terlentu, suiggoh pon pendapatan pemohon itu lebih daripada angka yang tersebut tadi.

Sa-bilangan peguam² akan menolong orang yang meminta bantuan peguam apabila sahaja di-kahendaki, dan itu berma'ana bahawa dia boleh mempunyai sa-orang peguam pilchan-nya sendiri. Ini chukup menerangkan bahawa bantuan yang di-beri ia-lah, saberapa yang bolch, sama dengan apa yang sa-orang berkemampuan boleh dapat.

BANYAK PERKARA² DI-SELESAIKAN DI-LUAR MAHKAMAH

Ada-pun dalam perkara² biaso, nasihat peguam dan juga perwakilan dalam perbincaraan² Mahkamah ada-lah diselenggarakan oleh Penolong² Pengarah Bantuan Peguam yang bekerja di-Pejabat itu. Dalam kebanyakan perkara² permohonan kerana nafkah, pertikaian² di-antara tuan² rumah dengan penyewa², tuntutan yang terbit dari perjanjian², pertikaian² mengenai harta² pusaka orang² yang telah

mati, tuntutan² kerana gaji² kebelakangan dan perbuatan² memberhentikan kerja dengan chara yang salah yang tidak termasuk di-dalam kawalan Undang² Buroh, Undang² Pekerjaan Penolong² Kedai atau Undang² Pekerjaan Kerani², ini semua telah di-selenggarakan dengan tidak payah dibicarakan di-Mahkamah, menerusi usaha² pegawai² Pajabat itu.

Kejayaan ranchangan ini boleh di-ukor dengan bilangan perkara² yang di-selenggarakan: dari lebih 700 perkara² yang selama lima bulan dari February hingga June 1959, yang berkahendakkan nasihat peguam sahaja, dan 100 sijil² yang di-keluarkan kepada orang² yang di-bantu dalam menuntut atau mempertahankan hak² mutlak mereka di-dalam Mahkamah², angka itu telah meningkat sehingga hampir² dua kali ganda dalam kedua² jenis itu dalam bulan July hingga November 1959.

II

KEBAJIKAN MASHARAKAT

UNTUK MENUBOHKAN sa-buah Negara yang mengutamakan kebajikan yang tegoh, maka di-serahkan kapada bahagian kebajikan dari Kementerian Buroh dan Undang² pekerjaan² mentadbirkan perkara orang² miskin dan yang menganggor, yang tua dan uzur, janda² dan anak² yatim yang di-tinggalkan untuk membawa nasib mereka sendiri, dan orang² yang rosak anggota-nya salma². Pekerjaan melindungi wanita² dan gadis² daripada pemerasan, dan pekerjaan menjaga dan memulehkan mereka seperti itu yang termasuk di-dalam lengkongan umot yang di-tetapkan oleh undang² serta mengelakkan budak² daripada menjadi jahat dengan jalan mengawal mereka atau dengan lain² jalan ada-lah juga jenis² pekerjaan Jabatan ini yang mustahak. Apabila suatu mala petaka seperti suatu kebakaran atau banjir berlaku, maka pegawai² Jabatan ini yang khas di-latchkan sedia untuk memberi pertolongan yang berupa bantuan wang, tempat tinggal,

makanan² panas dan membahagi pakaian, perkakas² rumah-tangga dan segala jenis pemberian yang di-sumbangkan oleh orangramai atau badan² sukarela.

Perkhidmatan² kebajikan telah di-jadikan lebuh berkesan dengan melihinkan dalam satengah² perkara dan dengan menyusun samula dalam satengah² perkara lain seperti berikut:—

(1) *BANTUAN ORANGRAMAI*

Tindakan menghapuskan Biai Sakit dan biai sara hidup sa-banyak 10 peratus di atas Biai Rawatan Batok Kering yang berasingan dan sabalek-nya menambah sedikit bayaran². Bantuan Orangramai yang biasa telah di-mulai dalam bulan September 1959. Dengan mengurangkan bayaran biai² itu, timbalan telah di-beri kapada bayaran satu biai rosak anggota kepada orang² yang rosak anggota-nya selama² dan ini telah berjalan kuatkuasa-nya pada 20 October, 1959.

Langkah² sedang di-ambil untuk melaksanakan bayaran biai². Bantuan Orangramai menerusi pejabat² pos. Apabila peratoran itu telah siap, maka penerima² biai Bantuan Orangramai boleh mengambil biai² mereka dari salah satu daripada 33 pejabat² pos, ya-itu yang dekat sakali dengan rumah² mereka, dengan tidak payah datang ka-Bangunan Kementerian di-Havelock Road. Bagi mereka yang tinggal jauh, ini berma'ana menyelamatkan bayaran tambang², dan yang demikian menjadikan biai² mereka tahan lebuh lama.

(2) *GERAKAN² DALAM MASA LAPANG BAGI ORANGRAMAI*

Ranchangan² telah di-siapkan untuk membina lebuh banyak balai² orangramai di-dalam kawasan² dalam bandar dan luar bandar di-mana kemudahan² seperti itu sahingga ini kaku-rangan. Pengalaman telah menunjukkan bahawa orang² akan di-khidmati lebuh baik dengan mengadakan lebuh banyak balai² orangramai yang kecil di-seluroh Singapura, daripada sa-buah balai yang besar dan mahal dengan menchuba ben-dak memberi perkhidmatan kapada sa-buah kawasan yang sangat besar. Semua balai² orangramai, termasuk-lah yang di-dalam bangunan² S.I.T., sekarang ada-lah di-bawah

kawalan pusat Pejabat Kebajikan Masyarakat, dan ada-lah di-chadangkan hendak menubohkan sa-buah Persekutuan Ra'ayat dengan 1 juta ringgit yang di-untokkan oleh Kerajaan untuk menyelenggarakan balai² ini dan kelab² pemuda pemudi. Selain daripada mengadakan kemudahan² untuk lebeh banyak gerakan² dalam masa lapang dan gerakan² kebudayaan untuk memenohi masa yang lapang, maka balai² orangramai akan mengambil peranan yang penting dalam kempen membatas buta huruf yang di-lancharkan oleh Kementerian Pelajaran.

(3) KEBAJIKAN KANAK² DAN ORANG² MUDA

Lebeh 8,000 kanak² yang di-pindahkan ada-lah di-daftarkan di-dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat di-dawah Undang² Kanak² dan Orang² Muda, dan pegawai² kebajikan selalu melawat karumah² meteka untuk menentukan bahawa kebajikan mereka tidak di-abaikan. Ada-lah menjadi kewajipan Jabatan ini untuk mengelakkan daripada berlaku kebengisan kapada kanak² itu dan juga menjaga kanak² yang di-tinggalkan di-mana² sahaja mereka ada.

Ranchangan meletakkan kanak² di-dalam jugaan akan di-perluaskan lagi supaya lebeh banyak kanak² yang ibu bapa mereka tiada upaya memelibara mereka, kerana sakit atau lain-nya, bolch beruntong daripada jugaan ibu² dan bapu² angkat di-bawah Ranchangan itu. Meletakkan kanak² itu di-bawah jugaan ibu² dan bapa² angkat ada-lah lebeh baik daripada di-masukkan tetap ka-dalam sa-buah rumah, kerana kahidupan kanak² dengan keluarga-nya tidak terganggu dan apabila kanak² itu pulang kapada ibu bapa-nya sendiri tiada banyak perubahan yang di-alami-nya.

Tempat jugaan kanak² yang dahulu-nya di-uruskan oleh Majlis Bandar Raya akan di-ambil kuasa-nya oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tujuan mengadakan lebeh banyak tempat² jugaan kanak² kerana ibu² yang bekerja akan di-utamakan. Bayaran yang di-kenakan kapada ibu yang menaroh anak-nya di-dalam sa-buah rumah jugaan kanak² hanya-lah 10 sen sa-hari. Jika dia keberatan, maka bayaran ita mungkin tidak di-kenakan.

Lapan belas Balai Kanak² ada memberi pelajaran dan makanan yang berkhasiat bitamin seperti roti, susu, buah², dan pil² minyak ikan kepada lebeh kurang 2.000 kanak² yang tiada dapat bersekolah kerana kemiskinan atau sebab yang lain. Sunggoh-pun di-tubohkan lebeh sa-puloh tahun dahulu, balai² ini masih memberi perkhidmatan yang mustahak.

Anak² yatim yang tiada sasiapa untuk menanggong mereka ada-lah di-beri jagaan di-dalam Balai Perusahaan Rumah-tangga bagi Perempuan² atau di-dalam Perak House bagi Lelaki, ia-itu menurut umor meteka.

Kanak² yang tidak sampurna akal-nya yang sekarang di-tempatkan-di-Woodstock Drive akan di-pindahkan kapada sa-buah bahagian yang berasingan dalam kawasan Rumah-sakit Woodbridge, di-mana mereka boleh di-jaga dengan lebeh baik di-bawah perhatian kakitangan yang pakar dari Kementerian Kesehatan.

(4) *KEBAJIKAN WANITA² DAN GADIS²*

Dengan berjalan-nya kuatkuasa Undang² Tempat² Urut dan satu Piagam ketara Wanita² dan Gadis² yang di-chadangkan akan di-masukkan ka-dalam buku undang², maka Pengarah Kebajikan Masharifikat akan mempunyai kuasa² yang tertentu untuk menghapuskan pelachoran di-dalam Singapura dan untuk mengawal kebijakan wanita² dan gadis² daripada orang² yang berhidup dari pendapatan² mereka sahaja haram. Selain dari dua rumah² perempuan² itu, pembinaan sa-buah Rumah Kebajikan Perempuan² Islam yang baru telah di-siapkan untuk menempatkan dan memulihkan wanita² dan gadis² Islam yang ikhlak-nya di-dalam bahaya.

Sa-orang Pegawai ada-lah menguruskan perkara pekerjaan dan kebijakan orang² yang di-lepaskan dari rumah jagaan gadis² termasuk mereka dari Rumah Kebajikan Perempuan² Islam. Sa-buah Asrama Gadis² tidak lama lagi akan di-tubohkan untuk menempatkan gadis² yang di-lepaskan itu supaya mereka tidak kembali kelak kadalam golongan mereka yang dahulu dan terpengaruh oleh godaan² seperti itu.

(5) PERKHIDMATAN PENGAWASAN BUDAK² JAHAT

Dengan bertambahnya kejadian² jenayah di-antara budak² jahat, maka mustahak-nya perkhidmatan ini sangat² di-rasai sekarang. Ada dua asrama budak² lelaki yang bolch di-gunakan untuk perkhidmatan ini, satu di-Prince Edward Road dan satu lagi di-Bukit Batok. Jikalau hal² kaadaan di-rumah budak² jahat itu tidak memuaskan, maka dengan menempatkan budak² itu di-dalam salah satu rumah² ini untuk sasuuatu masa akan memberi mereka peluang lebuh baik untuk bertaubat.

Sa-buah Sekolah akan di-bina tidak lama lagi untuk kepentingan budak² jahat yang berumur 10 hingga 14 tahun, yang sekarang ini di-tempatkan dengan budak² yang lebuh tua di-Sekolah Gimson budak² yang mana di-fikirkan kurang kemungkinan menjadi baik samula. Dengan mengasingkan budak² yang lebuh muda daripada budak² yang lebuh tua, maka Jabatan Kebajikan Masharakat akan berpeluang lebuh baik untuk memulihkan budak² yang lebuh muda itu, bebas daripada pengaroh budak² yang lebuh tua.

(6) PEJABAT NASEHAT

Pejabat ini telah berpindah ka-Pejabat Kad Pengenalan di-Stamford Road. Sebab-nya pemindahan ini ia-lah hendak menempatkan pejabat nasehat itu di-dalam sama bangunan dengan Pejabat Pendaftar Perkahwinan² dengan tujuan hen-dak mengadakan satu perkhidmatan nasihat yang lebuh baik untuk orangramai, di-dalam kawasan yang kurang bising dan, ada-lah di-harap, di-dalam suasana yang lebuh baik dan sesuai dengan perkhidmatan memperbaiki perpecahan rumah-tangga.

(7) KAWASAN KEDIAMAN LUAR BANDAR

Ada dua buah rumah untuk orang² tua, Rumah Bushy Park dan Rumah Nantina. Rumah Nantina tidak lama lagi akan berpindah ka-Woodstock Drive untuk memberi tempat bagi sa-buah Rumah Kesatuan Buroh. Pembinaan sa-buah kawasan kediaman di atas 25 ekar tanah sedang di-timbangkan. Apabila selesai, ia akan menempatkan sibanyak lebuh kurang 500 orang² tua yang sekarang di-dalam dua buah

rumah untuk orang² tua itu, salain daripada mempunyai hak kepunyaan tanah dan kemudahan² lain untuk memberi pekerjaan yang berfaedah kepada mereka serta mengadakan permainan dan sibukai-nya bagi masa kelapanagan mereka.

* * * *

III

BUROH

SATU DAKIPADA rukun² sosialis ia-lah bahawa tiada sa-orang pun boleh menggunakan dan memeras tenaga orang² lain hanya kerana dia itu ada mempunyai harta seperti rumah, tanah, jentera atau lain² kekayaan. Kerajaan telah mendapat sokongan daripada pekerja² dan yang demikian sudah memang sewajar-nya Kerajaan menyebelahi pekerja². Sunggoh-pun telah di-akui bahawa di-Singapura pemodal² mesti dibenarkan memaju dan meluaskan lagi perdagangan, perniagaan dan perusahaan, namun ada-lah menjadi kewajipan Kerajaan menentukan bahawa si-pekerja mendapat upah yang saimbang dengan tenaga yang di-berikan-nya, kerana kalau tiada tenaga dari pekerja², maka wang modal tidak dapat di-gunakan dengan baik dan menguntungkan ekonomi negara.

PERANAN PENTING KESATUAN²: BUROH

Undang² yang menetapkan gaji yang paling rendah atau faedah², atau surat² bekerja tidak boleh mendatangkan hasil yang baik seperti sa-buah kesatuan buruh yang kuat pendirian-nya di-dalam usaha melindungi pekerja² daripada pemerasan oleh majikan². Pekerja² berbaik menyelamatkan dan menguatkan kedudukan mereka dengan jalan menubohkan kesatuan² buruh, dan Kerajaan mesti membuat apa juga yang boleh bagi menolong mereka menubohkan kesatuan² buruh yang kukuh dan bertanggung jawab.

Di-dalam upacara pembukaan Dewan Perhimpunan Undangan Pada 1 hari bulan July, 1959, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertuan Negara telah mengakui dasar Kerajaan yang telah pun di-syatakan itu untuk menguatkan lagi pertubuhan pekerja² supaya kuat kedudukan mereka di-dalam perkara

menuntut hak² mereka. Beliau telah juga menyatakan bahawa Kerajaan akan mengambil langkah untuk melaksanakan dasar-nya bagi menyatukan gerakan kesatuan buruh, menguatkan puchok pimpinan Kongres Kesatuan Buruh Singapura dan merancangkan pembinaan sebuah Rumah Kesatuan Buruh yang besar dan yang bertempat di-suatu tempat yang sesuai.

UNDANG² BAGI MENGUATKAN KESATUAN² BUROH

Pada 2 haribulan September, 1959, Undang² (Pindaan) Kesatuan Buruh, 1959, telah di-luluskan dan telah berjalan kuatkuasa-nya pada 11 haribulan September, 1959. Tujuan utama pindaan itu ia-lah melaksanakan dasar kerajaan bagi membatalkan sijil² pendaftaran kesatuan² kuning dan yang telah berpecah dan pada kesatuan² besar, satelah menjalankan penyelidikan, dan membolehkan Pendaftar menolak permintaan kesatuan² seperti itu supaya di-daftarkan.

Hingga 30 haribulan September, 1959, sajumlah 34 kesatuan buruh telah di-beri surat yang memaalomkan bahawa Pendaftar hendak membatalkan sijil² pendaftaran mereka atas beberapa sebab. Dari jumlah itu 14 sijil telah di-batalkan. Dalam masa itu juga 5 permohonan dari kesatuan² buruh baru supaya di-daftarkan telah di-tolak.

Pada 25 September, 1959, suatu pengumuman di-bawah Undang² Kesatuan Buruh telah di-keluarkan, yang mengendurkan tegahan² yang dahulu-nya telah di-letakkan di atas pegawai² Kerajaan mengenai gerak-geri mereka di-dalam kesatuan buruh. Ini kerana hendak membolehkan mereka memasokki suatu kesatuan buruh yang terbuka kepada orang² Kerajaan serta kepada orang² yang bekerja dengan Majlis Bandar Raya, S.I.T., Lembaga Provident Fund, Lembaga Talipot Singapura, Jawatankuasa Pengurus Rumahsakit Tan Tock Seng dan pekerja² Lembaga Pesurobjaya Wang, Malaya dan British Borneo, yang tinggal di-Singapura.

Akibah pengumuman mengendurkan tegahan² itu, se-buah kesatuan buruh yang bernama 'the Amalgamated Union of Public Employees' telah di-bentuk dengan jalan menyatukan dua buah kesatuan orang² Kerajaan. Kesatuan itu telah di-daftarkan pada 26 haribulan September, 1959.

Pada 11 haribulan July, 1959, Menteri Buroh dan Undang² telah menyatakan kepada akhbar² bahawa langkah² sedang di-ambil bagi menjadikan Nantina House, ia-itu sabuah rumah batu bertingkat tiga di-Nombor 208 Queen Street, markas besar sementara Kongres Kesatuan Buroh Singapura, dan apabila dapat sahaja tempat lain untuk penduduk² Nantina Home, maka bangunan itu akan di-perbaikki dengan tujuan menjadikan-nya pusat gerakan² kesatuan buroh, yang di-lengkapi dengan kutubkhanah penyelidekan, balai mashuarat, bilek budak² dan lain² kemudahan untuk ahli²-nya. Jadi, tujuan-nya ia-lah hendak menjadikan rumah itu ibu pejabat sementara Kongres Kesatuan Buroh Singapura, sambil menunggu pembinaan sabuah Rumah Kesatuan Buroh yang besar dan kekal kelak.

Dengan monchol-nya Kerajaan Petir, maka kaadaan² disakeliling buroh telah bertukar. Bahawa pekerja² ada menaroh keperchayaan tethadap Kerajaan baru telah terbukti, manakala bagitu banyak penganggur² telah berebut² pergi untuk mendaftarkan nama mereka di-pejabat mendaftar nama bagi orang² yang ta' bekerja, dan bagitu banyak pekerja² telah membuat pengaduan di-Jabatan Buroh. Bahawa gerakan² yang telah di-baharui oleh kesatuan² buroh untuk mendapat kaadilan bagi pekerja², dan keperchayaan pekerja² bahawa Jabatan Buroh akan membetulkan segala perbuatan² yang dzalim terhadap mereka, telah menyebabkan Jabatan itu menjadi sangat sibok dengan pekerjaan seperti yang belum pernah di-alami dahulu, pada hal Jabatan itu kekurangan kakitangan dan alat. Tetapi, walau macham mana pon, semua perkara² walau sa-kecil²-nya, telah di-layani dengan cepat dan baik.

MASAALAH PENGANGGUR² YANG BERJUMLAH 43,000 ORANG

Masaalah yang besar sakali yang di-hadapi oleh Kementerian ini ia-lah bagaimana hendak memberi peluang bekerja kepada 43,000 orang yang sedang menchari pekerjaan. Sabe-lom ada-nya Kerajaan baru ini, ada 44,606 orang di-dalam daftar "hidup" Pejabat Mendaftar Penganggur². Pada penghujong September bilangan itu telah menjadi 43,852. Angka ini ia-lah 10 peratus daripada jumlah orang² Singapura yang

termasok kadalam bilangan pekerja². 1,355 orang di-beri kerja di-dalam Ranchangan Kerajaan Bagi Menolong Orang² Yang Tiada Kerja. Ada-lah di-harapkan bahawa dengan pelaksanaan ranchangan² perumahan oleh Kerajaan maka banyak lagi dari antara orang² yang tiada kerja akan di-ambil bekerja.

Oleh kerana pekerja² sekarang lebeh menyadari tentang hak² mereka dan kesatuan² buruh menjadi kuat samula, maka pertikaian² buruh telah menjadi bertambah banyak, tetapi tiap² satu daripada-nya melibat pekerja² yang kecil saja bilangan-nya. Perkara² yang kecil ini biasa-nya perkara² di-mana pekerja² yang terlibat itu tidak mempunyai kesatuan² untuk memperjuangkan hak² mereka. Sunggohpon begitu perkara² ini telah mengambil masa yang banyak. Yang demikian Pegawai² Pendamai di-Jabatan Buroh telah di-tambah daripada dua orang menjadi empat. Bilangan pertikaian² besar, yang mana sabenar-nya ada-lah pertikaian² mengenai sabilangan perkerja² atau semua pekerja² di-dalam sasuatu perusahaan atau pertubuhan, yang telah di-selesaikan oleh Jabatan Buroh, pon telah bertambah banyak-nya. Beberapa daripada pertikaian² ini telah memakan masa yang panjang. Di-dalam satu daripada pertikaian² ini perjumpaan telah di-adakan 17 kali di-Jabatan Buroh, baru-lah pertikaian itu dapat di-selesaikan. Di-dalam pertikaian² yang lain pula perjumpaan di-adakan hingga 5 atau 6 kali baru-lah dapat di-selesaikan. Di-dalam beberapa bulan yang sudah, sebab² mengapa kebanyakkan daripada pertikaian² itu telah berlaku ia-lah tindakan majikan mengurangkan bilangan pekerja² atau tindakan membuang kerja yang di-lakukan atas pekerja².

Bilangan perkara² yang di-bicharakan oleh Mahkamah Buroh pon telah bertambah. Di-dalam masa empat bulan yang lalu kerja yang di-buat oleh Mahkamah Buroh telah menjadi dua kali ganda. Dari February hingga May tahun ini, pembicharaan telah di-jalankan di-dalam 313 perkara² yang terbit dari pengaduan 499 orang dan wang berjumlah \$46,632.41 telah di-pungut dan di-berikan kapada mereka yang patut mendapat-nya, sedangkan dalam masa dari June hingga September tahun ini 592 perkara yang terbit dari pengaduan 1,242 orang, telah di-bicharakan dan \$68,626.78 telah

di-pungut dan di-berikan kepada mereka yang patut menerima-nya. Ini bermakna bahawa perkara² telah bertambah sebanyak 39 peratus, orang² yang membuat pengaduan bertambah sebanyak 149 peratus, dan wang yang di-pungut dan di-berikan kepada pengadu² bertambah sebanyak 45 peratus.

Dengan bertambahnya pekerjaan yang mesti di-buat, maka kakitangan² yang ada sekarang ini sudah tentu tidak menchukupi dan mereka telah bekerja sahingga berlebih-lebihan. Walau pon pekerja² telah membuat pengaduan yang begitu banyak, namun pihak penyelidik² telah menjalankan pekerjaan mereka dengan chemerlang. Walau bagaimana pon langkah² sedang di-ambil untuk menambah bilangan mereka.

UNDANG² YANG TIDAK SESUAI LAGI AKAN DISEMAK SEMULA

Kerajaan ada-lah sedar akan kekurangan² dan kelonggaran² undang² yang ada sekarang ini. Saorang pakar undang² buroh telah di-undang dari Australia untuk menolong menyemak undang² yang ada sekarang serta menasihatkan Kerajaan di-dalam membuat peraturan² mengenai chara mengadilkan pertikaian² buroh.

Dengan tujuan hendak mengekalkan keamanan di-dalam perusahaan dengan adil, maka Kerajaan akan menubohkan Badan Pengadil yang tetap dengan kuasa penoh untuk meng-adilkan pertikaian². Undang² mengenai Badan Pengadil ini sedang di-fikirkan. Badan ini akan mempunyai saorang Yang Di-pertua yang bebas, yang berpengalaman dan berpeng-tahuhan di-dalam perhubungan perusahaan dan peratoran² kesatuan buroh. Keputusan² yang di-ambil oleh Badan Pengadil ini akan mengikati majikan² dan pekerja² dan keputusan² itu akan mempunyai sama kuatkuasa dengan undang² dan boleh di-laksanakan sebagai undang². Jika salah satu pihak melanggar pendapat² dan keputusan² Badan Pengadil itu maka mereka akan di-denda. Ada-lah di-harap bahawa dengan ada-nya Badan Pengadil itu maka pekerja² akan dapat menuntut hak² mereka dengan tidak payah ber-mogok, dan yang demikian keamanan di-dalam perusahaan dan kemajuan ekonomi akan dapat di-chapai.